

**PERSOALAN DAN PEMIKIRAN HATTA AZAD KHAN DALAM TEKS
DRAMA "PATUNG-PATUNG" DARI PERSPEKTIF
TEORI PERSURATAN BAHARU.**

AHMAD ZAIDI B BAHARUDDIN

(M20082000317)

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJZAH
SARJANA PENDIDIKAN (KESUSASTERAAAN MELAYU).**

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2010

**PERSOALAN DAN PEMIKIRAN HATTA AZAD KHAN DALAM TEKS
DRAMA "PATUNG-PATUNG" DARI PERSPEKTIF
TEORI PERSURATAN BAHARU.**

AHMAD ZAIDI B BAHARUDDIN

(M20082000317)

Kertas projek ini telah diterima oleh program kesusasteraan Melayu

untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan

Ijazah Pendidikan Kesusasteraan Melayu

pada sesi 2008/2010.



.....
Dr. ANI BINTI HAJI OMAR

FAKULTI BAHASA

.....
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

TANJUNG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN

DR. ANI BINTI HAJI OMAR

**Pensyarah Kanan
Jabatan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak**

Tarikh: 14/12/2010

PENGAKUAN

**Saya mengakui bahawa kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan, ringkasan dan rajah yang setiap satunya
telah saya jelaskan sumbernya.**



Tarikh: 13.12.2010

AHMAD ZAIDI B BAHARUDDIN

(M20082000317)

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kerana dengan limpah-Nya kurnia dan keizinanNya, saya telah diberi-Nya rahmat kesihatan, kekuatan dan keyakinan bagi menyusun dan akhirnya berjaya juga pengkaji menyiapkan kertas projek ini.

Penghargaan tidak terhingga diberikan kepada penyelia utama, yang sentiasa memberikan tunjuk ajar, semangat, keyakinan, dan sokongan, Dr Ani bt Haji Omar, selaku penyelia yang banyak membimbing pengkaji dari awal hingga akhir, sehinggalah kajian ini dapat diselesaikan dengan sempurna. Sesungguhnya, segala tunjuk ajar dan kerjasama daripada beliau tidak dapat dilafazkan dengan kata-kata kecuali jutaan terima kasih.

Kepada semua pihak yang telah menyumbangkan buah fikiran, teguran dan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa mencabar. Hanya Allah *subhanahu wa taala* jua yang dapat membalas segala budi baik kalian.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan kajian ini. Mudah-mudahan kajian ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya sama ada untuk diri pengkaji sendiri ataupun sebagai rujukan kepada orang lain.

Ahmad Zaidi b Baharuddin

Pendidikan Kesusasteraan Melayu

Universiti Pendidikan Sultan Idris



ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang persoalan dan pemikiran dalam teks drama *Patung-Patung* karya Hatta Azad Khan (2009). Kajian memberi fokus kepada pemikiran pengarang dari sudut pandangan masyarakat. Kajian ini juga menggunakan Teori Persuratan Baharu dalam analisis dapatan kajian yang dilakukan. Kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan dan mengkategorikan data ialah analisis kandungan, data-data itu kemudiannya dianalisis dengan menggunakan teks dramatik Melayu yang dihasilkan telah menggunakan pelbagai gaya persoalan, pemikiran dan pendekatan dalam menyusun dan mengolah aspek dramatik dari teks drama *Patung-Patung*. Perbincangan ini melihat kepada persoalan yang banyak dikemukakan oleh pengarang dalam ketiga-tiga drama iaitu *Mayat*, *Patung-Patung* dan *Kerusi*. Hasil kajian mendapati, pelbagai persoalan yang dapat dilihat melalui ketiga-tiga drama ini. Selain itu, pemikiran yang dikemukakan oleh pengarang iaitu Hatta Azad Khan di dalam ketiga-tiga drama tersebut banyak memberi pengajaran kepada masyarakat dan ini bersesuaian dengan teori yang digunakan iaitu Teori Persuratan Baharu. Ini kerana Teori Persuratan Baharu lebih memberi penumpuan terhadap pemikiran dan kebijaksanaan serta kekreatifan dalam sesebuah masyarakat.



ABSTRACT

This study is concerned with the issue and thinking Drama Patung-Patung book works by Hatta Azad Khan (2009). The research give focus to author's mind from community's point of view. This research also used Persuratan Baharu Theory in study findings analysis made. The methods used in this study are content analysis from the text. The Malay dramatic book produced the issue and thinking of Drama Patung-Patung book have utilized various approaches include the inclusion elements from the Malay performing arts. This discussion see to issue a lot proposed by inside author all three that Drama's namely *Mayat*, *Patung-Patung* and *Kerusi*. The findings of the study reveal that the various issue observably through all three this drama. Apart from that, which thoughts lodged by author namely Hatta Azad Khan in all three drama's much giving lesson to society and this matched to theory used namely Persuratan Baharu Theory. This is because Persuratan Baharu Theory more give convergence to society.

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Kandungan	v

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1-8
1.2	Pernyataan Masalah	9-10
1.3	Objektif Kajian	11
1.4	Kepentingan kajian	11-13
1.5	Kaedah kajian	13-14
1.6	Batasan Kajian	14
1.7	Definisi Operasional	15-19
1.8	Kesimpulan	19

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20-22
2.2	Tinjauan Literatur Dalam Negara	22- 24
2.3	Tinjauan Literatur Luar Negara	24- 26
2.4	Kesimpulan	26- 28

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	29- 31
3.2	Rekabentuk Kajian	32
3.3	Kerangka Teori	32
3.4	Teori Persuratan Baharu	34-36
3.5	Perkaitan Teori Persuratan Baharu dengan kajian	37- 38
3.6	Kesimpulan	38-39

BAB 4: DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1	Persoalan dalam Teks Drama <i>Patung-Patung</i> Karya Hatta Azad Khan (2009)	40-44
4.2.1	Persoalan dalam Drama <i>Mayat</i> .	44- 47

4.2.2	Persoalan dalam Drama <i>Patung-Patung</i>	47- 49
4.2.3	Persoalan dalam Drama <i>Kerusi</i>	49- 51
4.3	Pemikiran dalam Teks Drama <i>Patung-Patung</i>	51- 53
4.3.1	Persuratan yang mendokong ilmu, pemikiran dan kebijaksanaan.	53- 56
4.3.2	Persuratan yang memakai gaya keintelektualan yang indah.	56- 60
4.3.3	Persuratan yang mementingkan watak-watak baik yang mendokong ilmu dan kebijaksanaan.	61- 66
4.3.4	Persuratan daya kreatif yang tinggi, intelek, beradab dan Terkawal.	66- 69
4.3.5	Kesimpulan	69-71

BAB 5: ASPEK NILAI-NILAI MURNI

4.3.6	Pendahuluan	72
4.3.7	Nilai-nilai Dakwah Islamiah	72- 75
4.3.8	Nilai Hidup Bermasyarakat Secara Islam	75- 78
4.3.9	Menyerah Kepada Allah	79- 81
4.3.10	Nilai-Nilai Nasihat	81- 84
4.3.11	Nilai-nilai Kesedaran, Penyesalan dan Taubat.	84- 86
4.4	Kesimpulan	87-88

BAB 6: CADANGAN DAN RUMUSAN

6.1	Pendahuluan	89- 92
6.2	Cadangan dan Saranan	92- 99
6.3	Kesimpulan	99- 100

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Drama berasal daripada perkataan “dran” (Greek) yang bermaksud melakukan atau melakonkan. Menurut Aristotle, drama ialah peniruan kehidupan, sebuah cermin budaya dan suatu bayangan kebenaran. Drama adalah satu cabang seni sastera yang mementingkan dialog, gerak atau perbuatan dan terdapat dalam prosa atau puisi. Dalam pengertian lain, drama juga adalah satu seni yang menggarap lakon-lakon mulai sejak penulisan skrip hinggalah pementasan. Justeru, untuk pementasan drama memerlukan ruang, waktu atau audiens. Sesuatu yang dipaparkan melalui drama adalah sesuatu atau sejumlah kejadian yang memikat dan menarik hati serta menimbulkan kesan emosi. Hal ini bermaksud bahawa drama masih terikat dengan persekitaran dan masyarakatnya.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1993:293) memberikan definisi drama membawa maksud cerita (tentang kehidupan dan sebagainya) yang dilakonkan (untuk tontonan ramai). Drama merupakan karya kreatif yang unik kerana mengandungi dua aspek iaitu aspek sastera dan aspek teater. Merujuk kepada aspek sastera ia mengandungi cerita dan unsur-unsur karya kreatif seperti pemikiran, plot, watak, bahasa, dan latar. Manakala aspek teater pula drama dilihat sebagai hasil pementasan. Dengan kata lain, skrip drama yang telah ditulis akan dipersembahkan di atas pentas.

Menurut Solehah Ishak (2001: 17-21) menyatakan drama merupakan satu bahan kajian akademik yang cukup unik. Drama boleh dikaji menerusi teks dan proses kepengarangannya, proses produksi dan kepengarahannya, persembahan dan khalayaknya, estetika dan pelbagai aspek kehalusan seninya. Perkataan drama berasal daripada Yunani yang bermaksud “*gerak*”. Dengan lain perkataan drama ialah gerakan yang mengandungi tarian, nyanyian, dan lakonan yang membawa cerita nyata atau simbolik. Ruby Cohn menyatakan drama adalah lakonan yang dilakonkan oleh pelakunya yang tertentu. Drama juga merupakan sebuah pertunjukan atau perlakuan yang disengajakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia lain.

Saparman Bakri (1982: 23), secara umum dan mudah untuk dimengerti, drama ialah sebuah lakonan dari sebuah skrip yang ditulis terlebih dahulu, dan dilakonkan di hadapan khalayak. Drama adalah karya sastera yang tercipta untuk dilakonkan di pentas atau lain-lainnya oleh pelakon. Drama juga biasanya menggambarkan kehidupan secara mendedahkan pertikaian dan emosi melalui “aksi” dan “dialog”.



Drama bukan hanya untuk dibaca , tetapi untuk dilakoni di atas pentas, dengan penghayatannya berbeza antara dibaca dengan pementasannya. Di sinilah letaknya perbezaan maksud antara drama dengan teater. Sebuah drama ialah naskhah skrip yang boleh dibaca secara individu tanpa memerlukan ruang, pelakon atau bantuan seni yang lain. Apabila skrip drama itu dilakoni di atas ruang pentas dengan gabungan pelbagai seni yang lain dan ditonton pula oleh khalayak secara kolektif, maka ia dinamakan teater. Sesebuah karya, pengarang, aliran dan kesusasteraan keseluruhannya. Drama mempunyai tugas dan pengaruh yang besar baik terhadap masyarakat, bangsa dan negara ke arah mencelikkan mata masyarakat yang buta. Mengambil aliran absurdisme yang mendasari penciptaan yang banyak memperlihatkan keterikatan dan kesukaan dramatis terhadap isu-isu sosial.

Sebagai permulaan membicarakan kritikan iaitu meneliti dan menganalisis skrip-skrip drama dengan melalui pendekatan kemasyarakatan, moral dan kemanusiaan untuk mengetahui susur galur dan pergolakan masyarakat. Mengkaji latar belakang pengarang, pendidikan, sosiologi dan sebagainya. Memahami lebih mendalam teks drama tersebut. Ini sebenarnya ada kaitannya dengan apa yang dikatakan bahawa apa yang ditulis oleh imaginasi si pengarang. Kadang-kadang apa yang ditulis merupakan cerita sebenar diri pengarang. Dengan adanya huraian ini, kita dapat memahami situasi masyarakat yang diceritakan. Juga para pembaca boleh mendapat pengajaran dan misal daripada peristiwa yang diceritakan itu. Membincangkan fungsi dan pengaruh hasil karya tersebut. Sesebuah karya, pengarang, aliran dan kesusasteraan keseluruhannya.

Mana Sikana (2006: 1), Lakonan yang dimaksudkan ialah aksi yang dicipta oleh manusia untuk berkomunikasi secara simbolik dan aksi tersebut dilakukan di hadapan penonton. Komunikasi secara simbolik pula ialah komunikasi melalui imej atau cerita





imiginatif. Jadi drama ialah sejenis karya seni yang menggunakan gerak, bahasa, pentas, kostum, bunyi dan cahaya. Dengan kata lain, drama merupakan sebuah lakonan yang dilakukan oleh pelakunya yang tertentu. Kadang-kadang lakonan tersebut tidak memerlukan suara seperti lakonan mimos atau gerakan seperti drama radio.

Drama adalah hasil karya kreatif yang istimewa berbanding dengan genre sastera lain seperti novel, cerpen dan sajak. Ini kerana drama mengandungi dua aspek iaitu aspek sastera dan aspek teater. Kedua-dua aspek ini saling berpadu dan mempunyai ciri-ciri dan unsur-unsur tertentu. Menurut Drs. Hasanuddin, 1996, ...drama adalah kesenian yang melukiskan sifat dan sikap manusia dan harus melahirkan kehendak manusia dengan *action* dan perilaku.

Sahlan Mohd Saman, Shaiful Bahri Md. Radzi (2005: 149), Drama ialah karya yang bertujuan menggambarkan kehidupan, mengemukan pertikaian dan perasaan serta melalui perlakuan dan dialog; lazimnya dirancang untuk pementasan.” Sebagai hasil seni sastera, drama mengandungi cerita dan unsur karya kreatif yang lain. Cerita itu pula diadun dan disusun mengikut perpaduan di antara isi dan bentuk. Teras dan tunjang kepada penghasilan sesebuah genre drama itu adalah skrip. Aspek yang membina drama ini ialah tema, plot, watak dialog dan juga latar. Sementara dialog pula menjadi jantung kepada penulisan sesebuah skrip selain aksi dan gerakan. Pengarang merupakan orang yang bertanggungjawab untuk melahirkan sesebuah skrip dan merupakan individu yang sangat penting. Tanpa pengarang, skrip drama ini tidak akan wujud sama sekali. Skrip drama yang dihasilkan oleh pengarang mestilah dipentaskan dan dipertontonkan kepada khalayak. Sekiranya skrip yang dihasilkan itu tidak dipentaskan maka ianya tidaklah dinamakan sebagai drama tetapi dikenali sebagai skrip drama. Skrip drama ini boleh juga dibaca atau dibukukan.



Rahmah Bujang (1994), “Drama ialah satu hasil seni kreatif”. Sesebuah drama juga perlu ada kesan-kesan dramatik kepada khalayak. Sesebuah drama dikatakan dramatik apabila penulis dan pengarah memberikan perhatian kepada setiap proses penulisan dan pengarahannya bermula dari proses penulisan, menentukan idea, mengenal pasti idea, penceritaannya, plot dan unsur kesinambungan. Semua ini akan menjadikan sesebuah drama itu menarik. Drama adalah kejadian-kejadian atau peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan yang boleh menimbulkan kesan-kesan tertentu kepada khalayaknya samada penonton atau pendengarnya.

Rahmah Bujang (1994: 3-4), “Drama merupakan satu bentuk seni yang bersifat dramatik iaitu seni yang mengutamakan kesan dan tekanan emosi penambat. Daya tarikan berjaya dilakukan apabila ia mampu mengikat emosi pembaca atau penontonnya. Drama adalah karya yang dramatik kerana pengutaraan kisahnya seolah-olah menjawab persoalan-persoalanyang menarik perhatian – persoalan yang dramatik – dari awal hingga akhir.”

“Drama merupakan seni pengucapan. Karya drama lebih berkesan nilai sasteranya apabila ia diucapkan. Ini kerana pengolahan ceritanya mengutamakan bentuk dialog antara pemegang peranan. Memang ada juga bentuk bukan dialog antara pemegang peranan. Memang ada juga bentuk bukan dialog dalam penulisan skrip drama, iaitu seperti penerangan antara dialog, penerangan pada setiap permulaan babak dan penerangan pada penutupnya. Pembacaan drama adalah satu seni pengucapan yang dapat dirasai kesannya apabila dialog-dialog itu dibaca dengan kuat yang melibatkan nada, tempo, hentian serta tekanan perbualan antara watak dalam drama itu. Dalam konteks ini, drama mempunyai persamaan dengan puisi yang juga memerlukan pengucapan secara deklamasi untuk membangkitkan pengertian daripada audiens.

Drama merupakan seni persembahan yang perlu dilakonkan di atas pentas. Bahkan kini dengan adanya kemajuan teknologi, drama turut dipersembahkan melalui pelbagai media seperti radio, televisyen, video dan filem. Fungsi perwatakan di dalam drama dipegang oleh pelakon dengan sokongan alat pandang dan dengar seperti set dan prop, kostum dan tatarias, penataan cahaya dan latar bunyi dan muzik. Fungsi keseluruhannya adalah untuk memberi kesan rentetan cerita dari awal hingga akhir dengan sebaik-baiknya, atau sedramatik mungkin.” Setelah ia dapat dipersembahkan kepada penonton, barulah mutu drama itu benar-benar dapat dinilai. Penonton boleh membuat keputusan sama ada menerima atau menolak sesuatu persembahan itu. Sebagai seni tontonan, drama memerlukan tindak balas yang membina. Dalam proses pendedahan sesuatu pementasan karya drama kepada penonton, tindak balas awal akan datang daripada penonton yang sebenarnya merupakan rakan seperjuangan sama ada daripada kalangan pengusaha drama itu sendiri seperti rakan pelakon, pengarah dan seumpamanya.

Drama merupakan seni yang mencakupi penglibatan dan usaha sama antara penggiat dan penggemar. Kedua-dua pihak penggiat dan penggemar perlulah bersedia dari segi fizikal dan mental untuk menerajui kegiatan seni drama itu. Ini kerana hanya penglibatan yang mempunyai persediaan tersebut yang akan memberi manfaat dan kewibawaan kepada kisah dalam karya drama itu.

Anggota masyarakat yang terlibat dengan drama terbahagi kepada dua, iaitu penggiat drama dan penonton drama. Penggiat drama menyalurkan gagasan, amanat dan kemahiran seni melalui drama kepada penonton yang menghayatinya dalam dua tahap iaitu tahap penghayatan dari aspek fizikal dan penghayatan dari aspek akaliah. Drama Melayu tentu sekali dapat dibahagikan kepada dua golongan iaitu tradisional dan moden. Kedua-dua

golongan drama ini, sebagai satu bentuk seni sosial mempunyai peranan sosialnya juga melalui satu media yang berkait rapat dengan masyarakat.

Menurut Frank M. Whiting dalam bukunya "An introduction to the theatre" membincangkan elemen-elemen fizikal dalam teater seperti skrip dan penulis, pengarahan dan lakonan, arkitek, pereka dan juruteknik serta penlibatan profesional dalam teater telah mengatakan bahawa sesebuah drama yang baik bukanlah sekadar untuk hiburan semata-mata. Ianya menyentuh dua tahap penghayatan, iaitu dari segi fizikal dan dari segi akaliah. Baginya seni teater berlandaskan kepada asas setiap pengajian ilmu iaitu kemampuan manusia untuk meneroka, memikir dan mencontohi kepada sesuatu yang menarik minatnya. Drama juga adalah cara untuk meneroka dengan ikhlas dan berani akan erti kehidupan dan misteri kewujudan. Bagi Whiting juga, tidak ada satu bidang yang lain selain sastera yang dapat menyamai drama dari segi sumbangannya kepada manusia.

Menurut Profesor John Russel Brown dalam bukunya "Effective Theatre", satu pembicaraan yang mendalam tentang sifat kemasyarakatan drama dibuat dia mengkaji apa yang dapat dikesankan dari drama bukan sahaja melahirkan komunikasi di antara penggiat dengan penonton tetapi juga komunikasi dikalangan penonton sendiri. Penonton yang datang dapat mengalami sesuatu bersama drama kerana drama juga merangsangkan satu pengalaman yang progresif sifatnya. Setiap saat menimbulkan rasa penglibatan, antisipasi dan ingin tahu. Drama sungguh sesuai dengan tamadun manusia yang sentiasa sedar akan perubahan yang dibawa dari kehendak dan kegiatan manusia.

Drama juga seumpama cermin kehidupan di mana perlakuan dan lakonan diatas pentas pernah, sedang dan akan ber laku dalam kehidupan seharian di luar pentas. Elemen

yang digunakan dalam drama seperti lelaki, perempuan, kanak-kanak, gerak laku, percakapan, gelap dan terang, kesunyian dan kebisingan. Namun demikian drama juga menakjubkan. Drama adalah fantastik, kerana betapa adanya persamaan antara apa yang berlaku di atas pentas dengan apa yang berlaku dalam kehidupan seharian. Drama membawa satu keadaan dan gambaran, yang sebenarnya tidak pernah terjadi atau satu cereka semata-mata.

Kajian ini cuba membawa pembaca menghayati nilai kehidupan dan perihal kemanusiaan aspek luaran dan kejiwaan dalam konteks perubahan dan perkembangan sesebuah masyarakat. Kebanyakan masyarakat tidak berapa menyukai genre ini kerana ia dianggap terlalu berat untuk dipentaskan dan tidak mempunyai idea. Hakikatnya, banyak kelebihan yang boleh diperolehi dengan mengaplikasikan drama atau mengadakan pementasan.

Selain itu dunia drama atau teater dan perkembangannya di Malaysia sering dikaitkan dengan pelbagai aliran pemikiran atau falsafah dari barat seperti sandiwara, realisme, moden dan kontemporari yang turut mengaitkannya dengan absurdisme. Karya sastera mengeksploitasi manusia dan masyarakat. Meskipun masalah sastera dan manusia atau masyarakat sudah dibicarakan sejak sebelumnya, namun sosiologi sastera sebagai ilmu yang berdiri sendiri dengan menggunakan teori tempatan dan metode ilmiah iaitu Teori Persuratan Baharu yang diperkenalkan oleh Mohd Affendi Hassan.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Begitu sedikitnya tulisan-tulisan yang pernah membincangkan mengenai drama ini. Seperti yang telah dibayangkan ialah kurangnya pendokumentasian naskhah-naskhah drama itu sendiri. Kalau adapun tidak begitu mendalam dan kurang daya keilmiahannya. Ini ada hubungannya dengan minat pengkritik kesusasteraan Malaysia, yang tidak begitu gemar membuat kritikan terhadap drama itu sendiri berbanding genre-genre yang lain.

Pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian ini kerana dilihat terlalu banyak lompong-lompong yang harus ditangani oleh para pengkaji demi masa depan drama-drama yang mendatang agar lebih aktif dan progresif. Memang kita sedari dalam zaman canggih dunia hiburan yang begitu menggugat daripada pelbagai media, drama seakan-akan berada tersepit di tengah-tengah kehidupan budaya. Namun kita boleh belajar di negara-negara yang telah lebih dahulu maju seperti di Eropah, Amerika dan Jepun, dalam situasi yang sama budaya drama mereka tetap berkembang dan subur. Malah posisi budaya drama itu lebih terhormat dan mulia.

Kepentingan untuk mengenali dengan lebih dekat lagi tentang hasil pemikiran Hatta Azad Khan terhadap karya beliau amat penting terutamanya apabila tiga buah dramanya diterbitkan dalam satu kumpulan teks drama yang berjudul *Patung-Patung* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009) kini sudah sampai waktunya karya Hatta dihurai untuk melihat falsafah yang cuba disampaikan melalui penulisan kreatif beliau. Kajian drama terlalu sedikit maka pengkaji bertekad untuk menelusuri fenomena ini agar segala yang terbuku di dalam diri dan masyarakat, terutamanya dalam bidang drama absurd yang semakin kurang dikenali dan diketahui oleh para khalayak, agar ia mampu berada di persada dunia pendidikan

antarabangsa dalam era globalisasi seiring dengan ledakan budaya saintifik dan multimedia. Selain teks-teks yang menerima pengiktirafan atau hadiah setelah memasuki sebarang bentuk pertandingan menulis skrip drama pentas, terdapat banyak lagi teks beraliran absurd yang dihasilkan dan diterbitkan, dan ada di antaranya yang telah pun dipentaskan.

Timbul persoalan tentang apakah elemen, idea, konsep, atau teknik baru yang dibawakan oleh para dramatis untuk karya-karya yang mereka hasilkan. Mungkinkah telah wujud suatu aliran baru dalam perkembangan teater Melayu di Malaysia sama ada dari aspek penghasilan teks atau pun pendekatan pementasan. Daripada bentuk dan gaya bahasa itu, akan dapat difahami dan dikenal pasti bahan, sumber, pendekatan penyampaian, atau kemungkinan pengaruh (aliran atau pemikiran) yang telah berkembang dalam bidang drama dan teater Melayu.

Persoalan lain yang berkaitan dengan nilai-nilai murni teks dalam memartabatkan elemen peribumi adalah lambang jati diri bangsa masyarakat Melayu Tahap penerapan menjadi persoalan untuk menilai, kecil atau besarnya pengaruh atau kesan yang ditinggalkan hasil daripada pengangkatan sumber-sumber tersebut dalam membentuk dan menstruktur teks drama.

Diharapkan dengan beberapa penghuraian, sedikit sebanyak gambaran kecil mengenai persoalan dan pemikiran karaya Hatta Azad Khan dapat diteroka. Dan sesungguhnya kajian teks yang diusahakan ini hanyalah sebagai peneroka dan langkah permulaan yang bercorak pengenalan. Dan mengharapkan suatu kajian yang lebih positif, konkrit, objektif, dedikasi dan diuntukkan masa yang panjang dapat dilakukan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Mengenal pasti persoalan-persoalan yang terdapat dalam drama "*Patung-Patung*", "*Kerusi*" dan "*Mayat*".

1.3.2 Memahami pemikiran yang cuba disampaikan oleh Hatta Azad Khan dalam karya drama beliau.

1.3.3 Mengenal pasti aspek nilai-nilai murni yang terdapat dalam ketiga-tiga karya drama tersebut.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Sebab utama pengkaji membuat kajian terhadap bidang drama ini ialah memandangkan selama ini amat kurangnya perhatian para pengkaji terhadap drama. Malah dalam beberapa hal hubungannya sangat rapat dengan masyarakat kerana sesebuah hasil karya drama itu tidak selesai hanya di permukaan skrip saja, ia memerlukan pementasan. Dan sudah pasti segala pengerjaannya melibatkan campurtangan masyarakat yang pelbagai termasuk penglibatan para penonton untuk menjayakannya. Kajian ini menumpukan kepada persoalan, pemikiran penulis drama dan aspek nilai-nilai murni sebagai bahan kajian. Tidak dapat dinafikan telah ada kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji sastera tanahair ke atas karya yang dikaji tetapi kurang dikenali dan diketahui oleh para khalayak. Justeru itu, kajian ke atas teks drama *Patung-Patung* ini boleh dianggap sebagai usaha untuk meneruskan dan memperbanyakkan lagi kajian ke atasnya.

Pengkaji memilih aspek persoalan dan pemikiran sebagai pusat dan dasar perbicaraan, bukan saja memandangkan aspek ini menjadi unsur terpenting dalam pembinaan sesebuah drama, tetapi dengan tidak secara lansung dapat membayangkan tamadun dan kecemerlangan sesuatu bangsa itu. Memandangkan hal ini, usaha jitu bagi meninjau kesemua skrip drama yang dikaji terutama terhadap bentuk atau aliran serta perkembangan pemikiran itu dapat ditanggapi.

Kepada penggiat sastera termasuk guru-guru yang mengajar kesusasteraan bukan sekadar mengajar ilmu itu sebagai satu disiplin tetapi juga bertindak sebagai agen pendidik moral dan etika sosial. Mempelajari sastera dan mengenali genre-genre sastera adalah untuk mengenali hati nurani manusia secara indah dan sebagai sumber bagi manusia untuk bertindak lebih kreatif dalam kehidupan mereka. Menurut Azman Wan Chik (1980: 9) menyatakan, kesusasteraan dapat memberi kesan dalam pembentukan personaliti, mempertajamkan pemikiran dengan asuhan kreatif dan imaginatif, mengilhamkan misteri, menghalusi nilai etika dan estetika di samping memberi panduan ke arah keharmonian hidup bermasyarakat.

Kajian ini kelak boleh dijadikan rujukan dan dokumentasi yang mengumpulkan maklumat tentang sesuatu yang berilmiah. Untuk melihat mutu, kekuatan dan kelemahan teks. Setiap karya sastera mempunyai komponen atau bahagian yang membina atau mendirikan tubuh badan karya tersebut seperti aspek pemikiran, plot, watak, dialog, latar, kekaguman, pendramaan dan audiennya. Secara lansung dapat membantu pengkaji untuk memahami, meneliti dan memberi tindak balas atau respons yang positif tentang aspek keindahan sesebuah drama.

Ia juga boleh dijadikan sebagai rujukan atau panduan kepada pengkaji dan peminat sastera khususnya apabila meneliti aspek yang diperbincangkan dalam karya. Membantu menambahkan kefahaman khalayak sastera isu atau persoalan yang dikemukakan dalam drama ini yang berkait rapat dengan persoalan sebenar masyarakat hari ini dan dapat menjadi pemangkin bagi meningkatkan lagi minat membaca bahan-bahan sastera yang berkualiti dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, kajian ini dapat memberikan suntikan semangat atau dorongan kepada pengkarya, penulis dan pencinta sastera untuk meningkatkan lagi penghasilan karya-karya yang lebih bermutu serta mempunyai mesej-mesej yang tersendiri dan lebih bermakna. Pentingnya kajian bidang ini diteruskan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa melalui drama maka mereka akan dapat mewujudkan nilai-nilai positif dan mencetuskan pemikiran kreatif. Di dalamnya banyak memperkatakan tentang isu-isu semasa dan pengajaran yang boleh dijadikan panduan dan teladan.

1.5 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dua kaedah kajian iaitu kepustakaan dengan merujuk kepada buku-buku yang berkaitan dengan tajuk perbincangan di perpustakaan dan analisis teks drama *Patung-Patung* terhadap tiga buah drama karya Hatta Azad Khan iaitu drama *Mayat*, *Patung-Patung* dan *Kerusi* yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji memilih dua kaedah ini kerana kaedah ini bersesuaian dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji membuat kajian di perpustakaan sepenuhnya iaitu seperti di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Kementerian

Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur (kini Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan), Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam seperti Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Perpustakaan Tun Seri Lanang, (UKM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Perpustakaan Universiti Malaya (UM) bagi mendapatkan maklumat yang lebih konsisten.

Selain itu perbincangan antara rakan-rakan serta pensyarah pembimbing turut membantu. Kesemua tempat ini menjadi tempat rujukan utama untuk mendapatkan bahan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan seperti jurnal, tesis, buku-buku Kesusasteraan Melayu dan bahan-bahan bercetak yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini. Bahan-bahan ilmiah ini telah membantu pengkaji dalam meneliti aspek-aspek yang berkaitan serta memberi kajian yang dijalankan.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini merangkumi beberapa aspek yang dianggap berkenaan dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji iaitu mengidentifikasi bentuk persoalan dan pemikiran serta nilai murni teks drama *Patung-Patung* (2009) karya Hatta Azad Khan yang bersandarkan kepada teori Persuratan Baharu oleh Mohd Affandi Hassan. Batasan kajian ini dibuat bagi melicinkan proses kajian yang dijalankan dan diharapkan ia memberi manfaat yang besar. Skop kajian hanya terbatas kepada kajian berbentuk kajian teks atau dengan erti kata lain hanya tertumpu kepada buku yang terlibat iaitu buku teks drama *Patung-Patung* (2009) karya Hatta Azad Khan.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

1.7.1 PERSOALAN

Persoalan merupakan idea-idea sampingan atau perkara yang lebih kecil yang ada hubungan dengan tema atau agenda yang dibicarakan oleh pengarang bagi menguatkan sesuatu tema dalam sesebuah karya. Mana Sikana (2004: 49) menyatakan persoalan adalah peristiwa-peristiwa sampingan dan masalah-masalah yang ditimbulkan untuk memperkuatkan temanya. Jelaslah di sini, persoalan merupakan idea sampingan yang penting dalam sesebuah karya untuk menghasilkan karya yang bermutu.

Maksud persoalan menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005: 368) ialah perkara-perkara pokok atau utama yang ingin dikemukakan oleh pengkarya atau pengarang bagi memantapkan tema dalam sesebuah karya ataupun isi-isi sampingan yang membentuk idea.

1.7.2 PEMIKIRAN

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 411) mengatakan pemikiran adalah perihal berfikir (memikir) yang berasal daripada kata dasar 'fikir' iaitu ingatan, angan-angan, anggapan, pendapat dan sangka. Menurut Al-Iman al-'Allamah (1958: 65), pemikiran bermaksud pemerhatian kepada sesuatu perkara. Manakala Mohd Affendi Hassan (1989: 43) member

maksud pemikiran ialah hubungan pemikiran dengan hakikat sastera, peranan dan fungsi sastera. Pemikiran tentang hakikat sastera ialah estetika iaitu salah satu bidang falsafah manakala fungsi sastera masuk dalam sosiologi sastera. Pengarang menggunakan saluran sastera untuk menyampaikan pemikirannya sebagai saluran komunikasi yang terungkap segala pengolahan hidup dan kehidupan manusia yang berupa masalah yang direnungi bersama dengan pembaca atau khalayak.

Menurut S. Takdir Alisjahbana (1983: 26-29) menyatakan kehidupan manusia merupakan kesinambungan antara fikiran akal yang menganalisis dan memecah-mecah dengan perasaan berpokok, dalam hati dan dengan fantasi yang kreatif serta memberikan kepada kita kesempatan untuk melepaskan diri daripada himpitan kenyataan sehari-hari yang berat dalam ciptaan yang mengandungi keindahan dan mengayakan rohani. Dengan perkataan lain, pengarang mendedahkan pemikiran dan sikap melalui citra dan mesej dalam hasil karya mereka. Muhammad Hj Salleh (1986: 47), pemikiran menggambarkan keadaan sesebuah masyarakat, caranya menghadapi persekitaran dan menentukan penyambungannya. Bangsa yang kuat adalah bangsa yang dapat menjawab persoalan-persoalan yang lebih besar seperti hubungan antara manusia dengan Tuhan, manusia dengan alam dan manusia dengan manusia iaitu diri sendiri. Pemikiran berdasarkan nilai-nilai keadilan, persamaan dan kefahaman.

Menurut Rahman Shaari (2001: 75), pemikiran merupakan persoalan utama dalam karya sastera, tema sesebuah karya ini dirumuskan oleh pembaca dan mungkin rumusan-rumusan itu berbeza dengan seorang pembaca dengan pembaca yang lain. Walau bagaimanapun, rumusan yang disebut oleh seseorang itu tentulah bersandar kepada keseluruhan isi karya tersebut. Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005: 135) menyatakan

pemikiran merupakan gambaran tentang gagasan, fikiran atau persoalan pokok yang menjadi tunjang sesebuah cerita atau persoalan utama yang diutarakan atau dikemukakan oleh pengarang sesebuah karya ataupun isi atau inti pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengkarya.

Asmah Hj Omar (1988: 18), menyatakan pemikiran lahir daripada kegiatan berfikir yang mencetuskan falsafah untuk menyelesaikan masalah yang difikirkan. Kebudayaan Melayu tumbuh dan berkembang dengan pengaruh pemikiran yang lahir daripada sumber pemikiran dunia, terutama sekali pemikiran India dan Islam. Pemikiran ini menyusup masuk melalui pertembungan budaya. Bangsa Melayu merupakan bangsa yang tinggi tamadunnya. Pemikiran mereka dialirkan kepada ahli masyarakat untuk dijadikan pegangan dan pedoman hidup. Alam sekeliling dan pengalaman hidup sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu. Pembentukan falsafah dan pemikiran mereka berasaskan budi.

1.7.3 DRAMA

Drama ialah sebuah karya fiksi atau cereka yang mementingkan dialog dan aksi watak. Sebuah drama yang lengkap ditulis dinamakan skrip. Drama yang bertulis, yang dinamakan skrip itu masih tidak lengkap lagi jika tidak dipentaskan. Jadi, drama ditulis untuk dibaca dan juga untuk dipentaskan. Ada masanya para pengkaji drama memberikan pengertian drama sebagai suatu pementasan yang mengkaji aspek lakonan dan membawa cerita.

Drama boleh didefinisikan sebagai lakonan yang dilakonan oleh pelakunya yang tertentu. Drama merupakan sebuah pertunjukan atau perlakuan yang disengajakan oleh

pelakunya atau pelakon untuk berhubung dengan orang lain. Oleh itu, para pelakon perlulah mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu untuk menjayakan seni lakon ini. Dari segi makna khusus mengutamakan perbuatan, gerak yang merupakan elemen yang bersifat drama. Drama adalah hidup yang ditampilkan melalui gerak (Moulton: 1989). Drama adalah kesenian melukis sifat dan sikap manusia dengan gerak (Slametmuljana: 1957).

Drama hanyalah merupakan lakon yang dapat diperguna sebagai alat manusia untuk melakonkan tokoh-tokoh tertentu di hadapan kelompok teman mereka. Drama merupakan cabang seni sastra yang mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat. Drama dikatakan sebagai seni teater sekiranya ianya dipentaskan dan dipertontonkan kepada khalayak. Hasil daripada skrip drama yang ditulis atau dikarang oleh pengarang yang dilakukan di atas pentas itu hasil kreativiti pengarah telah mewujudkan seni lakon. Individu yang diberi tanggungjawab untuk menjayakan sesebuah drama ialah pengarah. Pengarahlah yang bertanggungjawab ke atas kejayaan pementasan sesebuah drama itu. Pengarahlah yang bertanggungjawab memilih skrip drama yang akan dipentaskan. Pengarahlah yang bertanggungjawab menterjemah dan memberi nafas terhadap skrip yang dihasilkan oleh pengarang. Pelakon merupakan orang yang membantu pengarah dalam usaha untuk menyampaikan apa yang ingin diceritakan oleh pengarah di samping latar, muzik cahaya, kostum dan sebagainya.

Drama berasal dari suatu ritual yang akhirnya menjadi karya kreatif. Drama terbentuk dengan kombinasi tarian, nyanyian dan unsur bercerita yang akhirnya bertukar kepada penghasilan skrip drama. Dialog pula menjadi dasar kepada penulisan skrip drama itu sendiri. Konflik yang diwujudkan telah menjadikan drama ini menjadi semakin menarik. Konflik dalam drama sama ada kecil atau besar telah menjadikan sesebuah drama itu lebih

dramatik. Aksi dramatik inilah yang menjadi puncak bagi sesebuah drama tersebut. Turut membantu konflik dalam usaha untuk menjadikan drama ini lebih menarik ialah dengan adanya unsur-unsur suspen, imbas muka, imbas belakang, dilema dan lain-lain lagi.

1.8 KESIMPULAN

Sebelum sebarang kajian dilakukan, pengkaji perlu meneliti aspek-aspek yang hendak dikaji seperti batasan kajian, kaedah kajian, makna konsep yang hendak dikaji dan sebagainya. Ini bertujuan supaya pengkaji memahami terlebih dahulu perkara yang penting sebelum melakukan sesuatu kajian. Semua perkara ini penting dan perlu diketahui oleh pengkaji supaya tidak silap dalam menjalankan kajian.